

28 JUN 2002

OIC-Mahathir/I

PEMIMPIN NEGARA ISLAM KECEWA DENGAN PENGUNDURAN DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 28 Jun (Bernama) -- Ramai pemimpin negara Islam kecewa dengan keputusan peletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan berkuatkuasa selepas Oktober tahun depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata selama beberapa hari lepas beliau telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Lebanon Rafic Hariri di Beirut, Presiden Sudan Omar Hassan Al Bashir dan beberapa Menteri Luar di sini dan semuanya berkata berita peletakan jawatan Dr Mahathir tidak disambut baik di kalangan negara Islam.

"Malah mereka kecewa dengan perkara itu kerana Dr Mahathir seorang pemimpin Islam yang boleh menyuarakan pandangan secara tegas dan tidak takut kepada sesiapa," katanya kepada sekumpulan pelajar Malaysia dan kakitangan Petronas pada pertemuan di Hotel Grand Holiday Villa di sini semalam.

Syed Hamid yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat tahunan Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memberitahu Bernama dalam satu temuramah bahawa banyak soalan yang dibangkitkan dan kebimbangan disuarakan oleh para pemimpin itu sama ada Malaysia akan terus mampu memainkan peranan di arena antarabangsa.

Mereka berkata Dr Mahathir telah memantapkan nama dan reputasinya sebagai seorang pemimpin Islam dengan integriti dan kredibiliti hebat serta mendapat sokongan negara-negara Islam.

Mereka juga mahu tahu bagaimana perubahan kepimpinan akan memberi kesan terhadap politik dan ekonomi Malaysia.

"Saya menjelaskan kepada mereka mengenai proses peralihan kuasa, struktur hirarki kepimpinan bagi memberi jaminan kepada mereka bahawa walaupun Dr Mahathir merupakan tokoh penting dalam pembangunan Malaysia, beliau akan meninggalkan sebuah negara yang kukuh dari segi politik dan ekonomi dan Malaysia tidak akan berhenti memainkan peranan yang diperlukan.

"Ramai daripada mereka merasakan satu kehilangan malahan juga bimbang. Saya mengambil banyak masa untuk meyakinkan mereka dan saya rasa saya dapat mengetepikan beberapa kebimbangan mereka dan ini baik bagi negara," kata Syed Hamid.

Beliau berkata dengan menamakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya, Dr Mahathir membuktikan kepentingan negara paling utama baginya untuk membawa Malaysia ke depan ke dalam abad 21 globalisasi.

"Itu bagi saya amat meyakinkan. Mereka merasa selesa dan kita perlu terus membina keyakinan yang serupa dan meneruskan apa yang kita lakukan selama ini," katanya.

Menteri Luar itu berkata "beban" yang ditanggung Malaysia di arena antarabangsa semakin berat kerana semakin banyak negara mengharapkannya untuk memainkan peranan utama, menghargai Malaysia sebagai model sebuah negara Islam.

"Kita telah menjadi sebuah negara yang berjaya tanpa mengorbankan nilai-nilai Islam kita dan soalan yang sering ditanya ialah bagaimana kita melakukannya," katanya.

Syed Hamid berkata pengalaman Malaysia menunjukkan bahawa penghormatan itu merupakan suatu yang bukan datang dengan sendirinya dan Malaysia telah mampu mempunyai reputasi dalam hal ehwal dunia dan hubungan antarabangsa melalui pemikiran yang strategik.

Jika ini tidak dilakukan, semua usaha tidak akan mendapat tumpuan dan

Malaysia tidak akan dihormati sebagai negara yang menonjolkan imej positif Islam.

"Kita telah membuktikan bahawa Islam ialah satu agama yang bukan tidak konsisten dengan pemodernan dan bahawa ia relevan dan fleksibel dan saya rasa ini telah kita tonjolkannya dengan amat baik sekali.

"Orang menghormati kita apabila kita memberikan pendapat kita, kerana kita lakukan apa yang kita katakan. Adakalanya kita boleh menyatakan perkara yang retorik tetapi jika kita tidak kotakannya dengan tindakan, maka ia merupakan cakap kosong semata-mata, dan kita tidak beralih dari satu kedudukan kepada kedudukan yang lain," katanya.

Ditanya mengenai pembaharuan yang diusahakan Malaysia terhadap sekretariat OIC berpejabat di Jeddah, Syed Hamid berkata sekretariat itu haruslah bergerak mengikut masa dan perlu disusun semula untuk memenuhi aspirasi kumpulan 57 anggota negara Islam itu.

Perunding Malaysia sedang mengusahakan penyusunan semula itu dan cadangan mereka dijangka akan siap bagi diluluskan para pemimpin OIC pada sidang kemuncak mereka di Kuala Lumpur Oktober tahun depan.

Beliau berkata pertubuhan berusia 32 tahun itu perlu mendapatkan lebih keyakinan untuk berperanan lebih aktif dan mempunyai pengaruh terhadap peristiwa yang berlaku di dunia.

Bagi ini menjadi kenyataan, ia perlu menitikberatkan kredibiliti serta keyakinan bukan sahaja di kalangan orang lain malahan di kalangan anggotanya sendiri untuk maju ke depan dan membawa perubahan.

"Masalah kemunduran dan kerjasama ekonomi merupakan isu sebenar yang tidak boleh diketepikan. OIC perlu mempunyai visi dan hendaklah pragmatik. Adalah lebih baik untuk melakukan perkara kecil daripada terlalu bercita-cita besar tanpa mencapai apa-apa kejayaan pun," kata Syed Hamid sambil menekankan bahawa Malaysia sedih melihatkan kumpulan itu terus dianggap sebagai sebuah pertubuhan yang lebih mengikutkan retorik dan tiada langsung tindakan.

"OIC terus dianggap sebagai sebuah pertubuhan yang menerima pelbagai resolusi dan keputusan tetapi tidak berupaya untuk melaksanakannya secara efektif. Daripada mampu mengusahakan sesuatu kita dilihat seperti dipinggirkan," kata menteri itu yang begitu kritikal dengan format OIC sekarang yang memasukkan terlalu banyak isu dalam agenda pada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan.

Beliau juga mendedahkan bahawa di sidang kemuncak OIC di Kuala Lumpur tahun depan, sekretariat OIC yang telah lama diketuai setiausaha agung dari negara Arab, akan digantikan dengan calon dari Asia.

Ditanya sama ada seorang warga Malaysia merupakan calonnya, beliau berkata: "Malaysia adalah antara negara yang turut diperkatakan."

-- BERNAMA

AU AFY RON